



TERLIBAT: Barisan ahli jawatankuasa yang menjayakan 'Forum COVID-19: Persediaan Pembelajaran secara Bersemuka dalam Norma Baharu' yang diketuai Nurul Fadillah Amril.

## COVID-19 berjaya cetus sistem pembelajaran secara norma baharu

Sumbangan Nurul Fadillah Amril, Izah Abdul Hamid dan Rosidah Basir

**PEMBELAJARAN** secara bersemuka dalam norma baharu bukanlah sesuatu yang asing semasa penularan pandemik COVID-19.

Ini juga selaras dengan pembukaan penuh sekolah secara berperingkat bermula 15 Julai lalu selepas diumumkan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Melalui pendekatan normabaharu, pelbagai inisiatif dilakukan dalam memastikan rantaian COVID-19 dapat diputuskan dalam masa yang sama pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat berjalan dengan lancar.

Inisiatif ini termasuk memastikan penjagaan jarak sosial, pemakaian pelitup muka, penggunaan sanitasi dan sebagainya diikuti bagi membendung penularan dan memastikan persekitaran kawasan pendidikan adalah selamat.

Namun situasi ini sedikit berlainan di peringkat universiti di mana pelajar dikehendaki memenuhi pelbagai keperluan yang memerlukan penglibatan secara langsung seperti berada di bilik kuliah tertutup serta keperluan amali sama ada di makmal, bengkel, ladang, dan sebagainya.

Persediaan mental dan fizikal pelajar universiti khususnya Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) adalah penting untuk memastikan pembelajaran dalam norma baharu berjalan seperti biasa.

Oleh itu, satu program bercorak forum iaitu 'COVID-19: Persediaan Pembelajaran secara Bersemuka dalam Norma Baharu' dianjurkan pada 23 September lalu oleh Majlis Perwakilan Kolej

sesi 2019/2020 secara dalam talian melibatkan panel-panel jemputan iaitu Pensyarah kanan UPMKB Dr Wan Asrina Wan Yahaya, Pegawai Psikologi UPMKB Muhammad Abdul Rahim Habib, pelajar UNISSA Brunei Sheikh Waez Sheikh Aubid Al-Idrus dan pelajar dari UPMKB Jeremiah Lucas Jugo David untuk berkongsi pengalaman dan

COVID-19.

Selain persediaan pensyarah dan pengurusan institut pengajian tinggi, pendekatan melibatkan psikologi juga diketengahkan untuk fasa peralihan dari PdP secara dalam talian kepada bersemuka dalam norma baharu.

Ini melibatkan sesetengah pelajar yang menzahirkan rasa paranoid dengan situasi COVID-19 dan memilih

peringkat di mana hanya 60 peratus pelajar dibenarkan hadir untuk bersemuka secaragiliran dan 40 peratus lagi secara dalam talian.

Walaupun PdP secara bersemuka akan diketengahkan semula, namun kegusaran pelajar ini jelas terpancar.

Bagi pelajar di UPMKB, pembelajaran secara bersemuka amat dinantikan



KONGSI ILMU: Barisan panel jemputan yang berkongsi pandangan dan maklumat berkaitan semasa forum sedang berlangsung.

bersama-sama mencari solusi dari perspektif pengajar, kaunselor dan pelajar.

Program selama dua jam ini telah memberi pendedahan kepada pelajar suasana semasa norma baharu di institut pengajian tinggi seperti UPMKB yang menekankan penjarakan sosial dan penjagaan diri dengan memastikan pelajar sentiasa mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan.

Penggiliran penggunaan makmal-makmal untuk pelajar juga diketengahkan dengan memastikan PdP lebih efektif serta berkesan dan pada masa sama dapat mengekang penularan

untuk tidak melibatkan diri dalam pembelajaran bersemuka ini.

Melalui perspektif pegawai psikologi, kawalan terbaik kepada situasi ini adalah seperti bermonolog dengan kata-kata yang memberi ketenangan kepada diri sendiri, mengamalkan teknik penafasan yang betul dan berkongsi permasalahan serta pandangan bersama rakan terdekat untuk mengurangkan bebanan emosi yang mengakibatkan pemikiran tersebut.

Pembelajaran secara bersemuka dalam norma baharu juga turut diperaktikkan pelajar institusi pengajian tinggi di negara Brunei secara ber-

kerana melibatkan kerja lapangan bermula pada minggu ke lapan.

Selain menzahirkan rasa teruja di kalangan pelajar setelah hampir tujuh bulan bercuti di rumah dan mengikuti PdP dalam talian namun masih ada yang belum bersedia secara langsung untuk perubahan PdP secara bersemuka.

Melalui pengajuran forum ini, pelbagai cara dan permasalahan berkaitan PdP dalam norma baharu dapat dikupas melalui panel jemputan daripada pelbagai latar belakang untuk memastikan persediaan pelajar adalah sesuai dengan situasi semasa.